

Headline	IDF tingkat kesedaran kepentingan hutan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	29 Jun 2022	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	548 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURAIN OTSMAN	AdValue	RM 5,106
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 15,318



# IDF tingkat kesedaran kepentingan hutan



**DATU** Hamden Muhammad menyampaikan cenderamata kepada Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg pada majlis perasmian sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2022 Peringkat Negeri Sarawak di Pusat Penyelidikan Hutan Industri (IFRC) di Jalan Puncak Borneo, semalam.  
• Foto HERRIEY NAHA

**NUR AIN OTSMAN**

**KUCHING:** Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) yang diadakan setiap tahun berlangsung di Pusat Penyelidikan Hutan Industri (IFRC) Jalan Puncak Borneo, semalam.

Ia dimeriahkan dengan kehadiran Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Sambutan IDF itu dianjurkan Jabatan Hutan Sarawak (JHS) dengan sokongan Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC); Persatuan Kayu Kayan Sarawak (STA); Harwood Timber Sdn. Bhd; Sarawak Planted Forest (SPF) dan Sarawak Forestry Corporation (SFC).

Sambutan bermula di Sarawak sejak 1973 dengan nama 'Hari Hutan Sedunia' dan hanya ditukar kepada IDF pada 2012 oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

IDF bertujuan untuk meraikan dan meningkatkan kesedaran awam ke atas kepentingan hutan di seluruh dunia dan negara-negara digalakkan untuk melaksanakan pelbagai program berkaitan dengan hutan seperti kempen penanaman pokok dan sebagainya.

Tema sambutan IDF tahun ini

adalah 'Agenda Kelestarian Alam Sekitar Untuk Kemakmuran Negeri' yang memaparkan perkembangan terkini sektor perhutanan.

Selama ini hutan menyumbangkan sumber pendapatan di banyak negara tetapi dengan perubahan masa dan teknologi, ia menjangkakan sumber pendapatan yang baharu melalui aktiviti karbon hutan, di samping menambatkan pengurusan hutan di Sarawak.

Ia juga seiring dengan teras strategik dalam Pelan Strategi Pembangunan Pasca Covid-19-2030 (PCDS 2030).

Untuk sambutan IDF tahun ini, pelbagai program dilaksanakan termasuk aktiviti sukan seperti badminton, sumpit, golf, futsal dan boling bagi memupuk jaringan dan perhubungan antara agensi-agensi perhutanan di Sarawak.

Program menanam pokok dan pameran turut diadakan sempena sambutan ini.

Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Hutan Sarawak bersama agensi seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) dan Persatuan Jepun Malaysia (JMA) turut dilaksanakan untuk kerjasama masa akan datang.

Headline	IDF tingkat kesedaran kepentingan hutan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	29 Jun 2022	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	548 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURAIN OTSMAN	AdValue	RM 5,106
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 15,318



**PREMIER** Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menyaksikan MoU pada majlis perasmian sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2022 Peringkat Negeri Sarawak di Pusat Penyelidikan Hutan Industri (IFRC) di Jalan Puncak Borneo, semalam. • Foto HERRIEY NAHA